

Sediakan perniagaan stabil

BH - 11/2/2020 m/s:2

Kerjasama kerajaan, swasta diperkukuh: PM

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Cyberjaya: Kerajaan akan memberi nafas baharu kepada Dasar Persyarikatan Malaysia untuk memperkukuhkan lagi kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.


Perdana Menteri berkata, kerajaan ketika ini komited dalam usaha menyediakan suasana perniagaan yang stabil untuk pelabur.

"Menerusi pelbagai agensi yang terbabit dalam penggalakan pelaburan asing seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Invest KL dan Malaysia Digital Economy Corporation, kerajaan telah menubuhkan organisasi yang diperlukan dan mengadakan kemudahan untuk melancarkan operasi pelaburan asing di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan semasa dialog anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Perancis Malaysia (CCIFM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Duta Perancis ke Malaysia, Frederic Laplanche; Pengerusi CCIFM Malaysia, Datuk Zainal Amanshah dan Presiden CCIFM Malaysia, Gilles Waelin.

Dasar Persyarikatan Malaysia diperkenalkan pada 1983 ketika Dr Mahathir kali pertama menjadi Perdana Menteri, bertujuan mewujudkan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta demi pembangunan negara, meningkatkan hasil negara dan meng-



Dr Mahathir beramah mesra dengan delegasi selepas sesi dialog anjuran CCIFM di Cyberjaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

hapuskan sifat permusuhan antara kedua-duanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menegaskan kerajaan menumpukan usaha mewujudkan ekonomi stabil, melaksanakan disiplin fiskal dan tadbir urus yang baik, memastikan ketelusan dalam menjalankan perniagaan, menangani rasuah serta melancarkan pembaharuan institusi sejak mengambil alih pentadbiran kerajaan pada Mei 2018.

Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada 4.8 peratus pada 2020 walaupun mengharungi tempoh sukar yang berlarutan.

"Namun, dengan disiplin fiskal yang bagus, defisit belanjawan akan dikecilkan kepada 3.2 peratus tahun ini," katanya.

"Kami komited menyediakan

suasana perniagaan yang stabil untuk pelabur. Kami akan menjadi mesra perniagaan, malah, kami akan memulakan semula dasar Persyarikatan Malaysia (Malaysia Incorporated)," katanya.

Ketika ini katanya, Malaysia berada di kedudukan ke-12 dalam laporan Indeks Kemudahan Berniaga Bank Dunia 2020, berbanding tangga ke-15 tahun lalu.

Sambil menyatakan kegembiraannya dengan kehadiran ramai wakil syarikat Perancis yang berada di negara ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia sudah menyediakan kemudahan untuk pelaburan asing melalui pelbagai agensi berkaitan.

Pada masa sama, beliau mengakui pengurusan bakat juga amat penting dan Malaysia memberi penekanan utama kepada pema-

ngunan pendidikan untuk memastikan negara menghasilkan tenaga kerja yang diperlukan untuk berdepan abad ke-21 atau era digital.

"Kami turut mengalu-alukan ekspatriat dan bakat asing ke Malaysia, selain menyediakan pelbagai pekerjaan serta pas pemastautin kepada bakat berkemahiran tinggi dan pakar asing," katanya.

Pada sidang medianya, Dr Mahathir berkata, Kementerian Kewangan kini melihat pakej rangsangan ekonomi bagi menangani kesan penularan coronavirus baharu (2019-nCoV).

"Kita sedang melihatnya. Ia perkara sukar untuk membawa orang datang ke negara ini tetapi jelas, kita sedang melihat bagaimana untuk menarik pasaran dari Eropah dan Asia Selatan serta India," katanya.